

14/03/2003

Akibat Islam tidak bersatu

Kadir Dikoh

DUNIA mengetahui, siapa Presiden George `War' Bush. Apa saja label boleh diberikan kepadanya, namun ia tidak akan banyak mengubah niat jahatnya untuk terus menyerang Iraq.

Kesombongan, keangkuhan, kedegilan dan keghairahan Bush serta sekutunya untuk menyerang Iraq sukar dibendung lagi. Malangnya, dalam usaha banyak pihak menyuara dan membantah supaya Iraq tidak diserang, negara Islam sendiri tidak dapat berbuat sesuatu yang berkesan bagi membantu rakan seagama.

Ini menyerlah dan membuktikan kelemahan umat Islam sendiri, khususnya Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dianggotai 57 negara dan sebahagiannya negara kaya raya dengan sumber minyak.

Sidang Kemuncak Tergempar OIC di Doha, Qatar minggu lalu sepakat menolak serangan Amerika terhadap Iraq dan sebarang ancaman terhadap keselamatan mana-mana negara Islam lain.

Penyataan itu dicapai sebulat suara, tetapi selepas itu, malah sebelum ini pun, lain pula kisahnya. Ini kerana negara Islam dalam OIC itu sendiri yang menyediakan segala kemudahan untuk pangkalan tentera Amerika melancarkan serangan ke atas Baghdad.

Pernyataan Bersama yang dikeluarkan itu juga menggesa negara Islam tidak mengambil bahagian dalam sebarang tindakan ketenteraan terhadap wilayah Iraq dan negara Islam.

Kini, dilaporkan kira-kira 30,000 askar Amerika sudah berada di utara Arab Saudi. Jurucakap sebuah kumpulan anti-Saudi, Gerakan Reformasi Islam, yang berpangkalan di London, Saad al-Faqih, dipetik stesen TV al-Jazeera sebagai berkata, askar itu diletakkan di sempadan Saudi-Iraq.

Pada akhir Januari lalu, Amerika berjaya memujuk Arab Saudi supaya membenarkan beribu-ribu tenteranya menyerang Iraq dari negara itu. Sejak itu Amerika sudah membuka lima pangkalan udara untuk digunakan bagi tujuan menjajah negara umat Islam itu.

Laporan agensi berita asing pula menyebut persetujuan juga dicapai mengenai penempatan sekurang-kurangnya 9,000 askar Amerika di sebuah pangkalan tentera Saudi dekat sempadan Iraq bagi mempertahankan negara itu daripada sebarang serangan.

Sebagai balasan, Arab Saudi memberikan kemudahan tentera kepada Amerika di pangkalan Araar, Khafer Beaten, Riyadh dan Tabouk. Amerika dilaporkan meletakkan beberapa pesawat, termasuk pesawat mengisi minyak di udara di pangkalan Tabouk.

Sejak berita mengenai kerjasama Arab Saudi ini dilaporkan minggu lalu, kerajaan negara itu beberapa kali menafikannya. Bagaimanapun, pegawai Amerika yang mengesahkan semua laporan itu menyatakan, Riyadh berbuat demikian bagi mengelakkan kemarahan rakyatnya dan umat Islam di dunia kerana Arab Saudi secara terbuka menentang rancangan Amerika menyerang Iraq.

Tindakan itu adalah seperti orang tidak berpuasa tetapi tidak mengaku kerana malu kepada kawan, bukan takut kepada Allah.

Apa sudah jadi dengan Arab Saudi? Malah, tuan rumah sidang OIC itu, Qatar memang dikenali terbaik-baik dengan Washington dan Doha juga mungkin digunakan sebagai pangkalan bagi melancarkan serangan ke atas Iraq. Di pinggir bandar raya Doha, sudah kelihatan beberapa trak tentera Amerika.

Turki yang ekonominya agak teruk juga sebelum ini membenarkan Angkatan sebagai pangkalan untuk tentera Amerika tetapi Parlimennya sudah menolak

satu usul minggu lalu yang menggugat 'umpan' bantuan AS\$30 bilion (RM114 bilion) dari Amerika sebagai tukaran kepada kebenaran itu.

Perdana Menteriinya, Abdullah Gul yang ketika itu serba salah, kini meletak jawatan dan digantikan oleh Tayyip Erdogan.

Bush dilaporkan awal-awal lagi sudah menelefon Erdogan untuk mengucapkan tahniah dengan niat 'jahat'nya. Erdogan sebelum ini memberi isyarat bahawa beliau akan mendesak ahli perundangan menyokong usul memberi kebenaran kepada 62,000 askar Amerika untuk masuk apabila beliau mengetuai Turki.

Perbalahan sesama negara OIC turut dipamerkan ketika sidang di Doha itu apabila pemimpin delegasi Iraq menjerit "Tutup mulut kau, monyet!" terhadap seorang anggota perwakilan Kuwait selepas wakil Kuwait itu mengganggu ucapannya yang mengecam Amerika.

Menteri Hal Ehwal Luar Kuwait, Sheik Mohammed Sabah Al Salem Al Sabah, menyampuk ucapan Naib Presiden Iraq, Izzat Ibrahim al-Douri menyebabkan al-Douri membalas dengan kenyataan itu diikuti 'Semoga kamu jatuh hina, pembelot!'

Umum mengetahui Iraq dan Kuwait tidak sebulu terutama sejak perang teluk tercetus pada 1991.

Ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang di Doha itu sepatutnya menjadi renungan semua anggota OIC, dengan gesaannya supaya negara Islam bersatu. Rayuan Perdana Menteri dibuat ketika negara Teluk bertelagah sesama sendiri terutama dalam menangani konflik Iraq.

Dalam sidang akhbar untuk wartawan Malaysia selepas sidang itu, Dr Mahathir mengakui wujud perpecahan agak serius dalam OIC, tetapi yakin ia dapat diatasi kerana katanya: "Saya percaya jika kita tumpu kepada apa yang kita setuju dan ketepikan apa yang kita tidak setuju, maka kita boleh bercakap dengan satu suara.

"Contohnya, semua tidak setuju terhadap serangan Amerika terhadap Iraq dan kita harus tumpu di situ dan bukan membawa faktor luaran seperti masalah (negara terbabit) dengan Iraq."

Mesej ini mungkin ditujukan kepada Kuwait dan Iraq. Kedua-dua negara ini, khususnya dan negara Teluk yang lain amnya perlu memikirkan kepentingan umat sejagat sejajar dengan persetujuan pada sidang tergepar OIC di Doha itu.

Jika semua negara Islam di dunia ini bersatu dan tidak menyediakan pangkalan hadapan untuk tentera Amerika, sekurang-kurangnya Washington tidak mempunyai pangkalan strategik sama ada dari utara atau selatan Baghdad untuk melancarkan peluru berpandu ke arah Iraq.

Langkah itu dikira membantu, meskipun Amerika masih berupaya melancarkan serangan dari jarak jauh. Negara OIC juga kaya dengan minyak. Mesyuarat tidak rasmi OIC di Kuala Lumpur, baru-baru ini, juga sepakat untuk memikirkan kemungkinan menyekat pengeluaran minyak tetapi tidak sampai 24 jam kemudian, beberapa negara anggota mengeluarkan kenyataan dari Asia Barat menolak saranan itu.

Penggunaan minyak sebagai senjata itu pernah digunakan oleh OIC pada 1970-an sebagai membantah serangan Israel dan langkah itu menyebabkan ekonomi dunia meleset. Negara Barat turut merasakan keperitannya.

Andainya, sekatan minyak dilakukan dan kebetulan Arab Saudi dan Iraq adalah pengeluar utama minyak dunia, kemelesetan dunia mungkin berulang. Dalam keadaan ini, kekayaan negara Arab mungkin boleh digunakan untuk membantu negara Islam lain yang miskin atau tertekan oleh kemelesetan itu.

Ini mungkin satu mimpi di siang hari untuk berlaku tetapi ia bukan sesuatu yang mustahil, asalkan negara Islam bersatu. Jika bersatu dan mempunyai satu suara, banyak perkara yang boleh dilakukan.

Ini termasuk menggunakan dinar emas di kalangan negara Islam, tanpa lagi bergantung kepada dolar Amerika yang terdedah kepada naik turun pasaran. Memulaukan barang Amerika mungkin kurang berjaya kerana Malaysia umpamanya

masih menjadi antara rakan dagang utama Washington tetapi negara OIC boleh mewujudkan blok perdagangan sesama anggota.

Malah, negara OIC boleh mewujudkan kerjasama lebih rapat dengan negara membangun lain terutama di kalangan 116 Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dengan 40 daripadanya juga negara OIC.

Blok negara OIC dan NAM ini pula boleh mengadakan kerjasama lebih jitu dengan negara maju di utara terutama di Eropah seperti Perancis dan Jerman yang memang antiperang, bagi menyisihkan Amerika.

Selagi Amerika bermaharajalela di muka bumi ini atau selagi belum muncul kuasa besar lain selepas berakhirnya perang dingin berikutan kejatuhan Russia, selagi itulah dunia menjadi kacau bilau, diganggu oleh polis dunia itu.